

18 SEP 1998

Mahathir - Media

DR MAHATHIR KECAM MEDIA ASING KERANA BERAT SEBELAH

LANGKAWI, 18 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengecam media asing kerana bersikap berat sebelah dan sentiasa memihak kepada pembangkang di negara ini.

Perdana Menteri berkata bagi mereka (media asing) pembangkang tidak melakukan kesalahan dan kerajaan Malaysia tetap dituduh melakukan penindasan walaupun mengambil tindakan terhadap pembangkang mengikut lunas undang-undang.

Bercakap kepada pemberita selepas melawat Lapangasar Menembak Antarabangsa Langkawi Malaysia (Lisram) di sini, beliau berkata media asing akan berkata ia perkara biasa sekiranya kerajaan mengambil tindakan terhadap anggota kerajaan.

"Kita telah pecat Ketua Menteri, Menteri Besar, kita dakwa anggota Parlimen dari Umno dan parti-parti lain, kita penjarakan mereka sekiranya mereka bersalah, malah mengenakan hukuman mati, tetapi media asing tidak pernah kata kita adil.

"Apabila kita tangkap dan hadapkan (Lim) Guan Eng (Ketua Pemuda DAP), itu dikatakan kita menindas," katanya dan menambah Guan Eng tidak ditahan tanpa perbicaraan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Perdana Menteri berkata Guan Eng harus menerima keputusan mahkamah bahawa dia telah melanggar undang-undang dan menegaskan bahawa dia telah dibicarakan di mahkamah dan rayuannya telah ditolak oleh mahkamah.

Mengenai majlis ceramah yang diadakan oleh bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Dr Anwar Ibrahim setiap malam, Dr Mahathir berkata Anwar tahu dengan jelas bahawa mengikut undang-undang beliau tidak boleh mengadakan perhimpunan lebih daripada lima orang.

Tetapi nampaknya beliau (Anwar) ingat beliau boleh melanggar undang-undang dan mencabar polis, katanya.

"Ini dia (Anwar) kena fikir. Dia beritahu semua orang kita menindas dia. Tidak benarkan dia adakan perhimpunan. Tetapi dia adakan perhimpunan juga tanpa mendapat kebenaran (polis), kata Perdana Menteri.

Beliau berkata media asing nampaknya percaya bahawa pihak pembangkang boleh melanggar undang-undang manakala anggota kerajaan perlu mematuhi undang-undang.

-- BERNAMA

AHM oba